

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 March 2016

## Dr. M jelas diperalat

Um - 17/3/2016

**KUALA LUMPUR 16 Mac -**

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad jelas diperalatkan apabila hanya membaca skrip ucapan yang disediakan pembangkang sewaktu menyertai pakatan untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 5 Mac lalu.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, Dr. Mahathir hanya membaca skrip yang asas intipatinya seperti yang diharapkan parti pembangkang.

Katanya, ini amat mengecewakan kerana Dr. Mahathir tidak menyedari bahawa dirinya diperalat.

Malah, hal itu diakui Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli dalam siri syarahan yang dimuat naik dalam sebuah portal baru-baru ini.

“Timbul kemusykilan kerana Dr. Mahathir seorang negarawan. Beliau melalui pelbagai proses kepimpinan dan politik negara.

“Diharap Dr. Mahathir diberi kekuatan dan hidayah kerana dikhuatiri nanti lebih banyak diperalatkan pembangkang,” katanya

Beliau mengulas video yang dimuat naik dalam portal, *SuaraTV* mengenai penjelasan Rafizi terhadap penyertaan Dr. Mahathir dalam pakatan bersama pembangkang baru-baru ini.